

PKR Sabah mahu Anwar jadi PM tahun hadapan

Penampang: PKR Sabah mahu semua pimpinan dan ahli parti memastikan Datuk Seri Anwar Ibrahim dinobatkan sebagai Perdana Menteri kelapan tahun hadapan.

Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Sabah, Datuk Christina Liew, berkata ini adalah tugas penting semua pimpinan dan ahli parti.

Tegasnya, PKR Sabah mahu presiden parti itu membawa Malaysia ke tahap yang lebih baik dari segi ekonomi dan keharmonian bermasyarakat.

“Ini adalah antara tugas penting kita untuk memastikan presiden menjadi Perdana Menteri kelapan tahun hadapan.

“Oleh itu, kita perlu kurangkan pergeseran sesama kita. Pemilihan parti sudah berakhir dan marilah tumpukan perhatian untuk membantu rakyat yang mengharap perubahan yang lebih baik,” katanya pada Konvensyen Keadilan Sabah di sini semalam.

Anwar turut memberi amanat pada konvensyen berkenaan.

PKR Sabah yang kini berusia 20 tahun, bertapak di negeri ini pada 8 September 1999.

Christina yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah, berkata manifesto Pakatan Harapan (PH) masih banyak belum tertunai dan ini adalah tanggungjawab besar untuk memastikan PH diberi pengiktirafan serta kekal sebagai

penerus agenda Malaysia Baharu harapan rakyat.

Sebagai pimpinan negeri, tugasnya, adalah menjadi harapan agar Manifesto PH yang bertekad dan berjanji menjamin lima tawaran baharu Sabah perlu diusahakan bersama berpaksikan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan Perlembagaan Persekutuan.

Lima teras itu ialah hak kerajaan kewilayahan dan pimpinan rakyat; hak petroleum dan hasil yang adil; pembangunan infrastruktur asas dan industri saksama; pendidikan berkualiti dan pembangunan ekonomi saksama serta pengupayaan anak muda, wanita dan minoriti.

“Peningkatan royalti minyak

kepada 20 peratus dan pengembalian cukai 40 peratus kepada kerajaan negeri hendaklah disegerakan. Kita memerlukan dana ini untuk memastikan pembangunan di Sabah dan jiran kita Sarawak dapat dipercepatkan sebanding dengan negeri lain di Semenanjung.

“Mungkin yang lain dapat dibuat secara berperingkat untuk memastikan kerajaan Pusat dapat mengurus belanjawan secara berimbang,” katanya.

Beliau juga mahu Sabah dan Malaysia diurus dengan baik berteraskan keadilan sosial serta ekonomi, manakala hak Sabah yang dijamin Perlembagaan akan dipulangkan kepada rakyat.